

POLITEKNIK JELI KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

1. Tender ini dipelawa kepada kontraktor/ syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 220801 (Kawalan Keselamatan) yang masih sah dan berkuatkuasa serta berstatus ePerolehan (eP) *enable*.
2. Butiran tender yang ditawarkan adalah seperti berikut :-

TAJUK TENDER	NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH/ MASA TUTUP TENDER
TENDER BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI POLITEKNIK JELI KELANTAN	PJK(S)/T/01/2017	220801 - Kawalan Keselamatan	17 MEI 2017 (Rabu)/ 12.00 tengah hari

3. Kontraktor/ Syarikat yang ingin menyertai tender ini **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh: 25 April 2017 (Selasa)
Masa: 10.30 pagi
Tempat: Lanas 1
Politeknik Jeli Kelantan

Sila bawa bersama salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dari Kementerian Kewangan, Sijil Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM), Lesen Kementerian Dalam Negeri dan salinan asal Sijil-sijil/ Lesen berkenaan beserta Cop Rasmi Jawatan dan Cop Syarikat.

4. **HANYA PENAMA** di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. **WAKIL** adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Kegagalan untuk mematuhi syarat ini tidak akan dilayan.
5. Serahan cadangan tawaran teknikal dan kewangan menerusi serahan atas talian sistem ePerolehan dan serahan dokumen tender (secara manual) hendaklah dibuat sebelum atau pada 17 MEI 2017 (RABU), 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan dan kegagalan di dalam penyerahan dokumen tender tidak akan dilayan.
6. Petender yang telah menghadiri taklimat dan lawatan tapak serta layak untuk menyertai tender ini boleh mendapatkan dokumen tender mulai 25 April 2017 (Selasa) melalui laman web: <http://www.eperolehan.gov.my>